

# Penduduk miskin aset utama pembangunan, bukan liabiliti

Oleh Fatimah Mohamed Arshad  
bhrencana@bh.com.my



Ketua Kluster Sekuriti Makanan dan Pertanian, Akademi Profesor Malaysia (APM) dan Felo Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM)

Di bawah derita pandemik, anak kita perlu diberi daging ayam dan bukannya ikan sardin. Pilihan ini tidak memerlukan sebarang pertimbangan walaupun secebis.

Mengikut kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) 2019 dan 2020, anak daripada keluarga miskin bandar terpaksa memakan mi segera dan telur setiap hari kerana hanya itu termampu oleh ibu dan ayah.

Pandemik meragut mata pencarian ibu dan ayah, lantas memiliki wang terhad untuk membeli makanan sihat seperti susu, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan segar.

Di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terdapat pertambahan perbelanjaan sebanyak 50 peratus ke atas mi segera dan 40 peratus telur sebagai sumber protein. Perbelanjaan untuk daging pula amat kecil.

Kajian juga mendapati satu daripada setiap lima kanak-kanak mengalami pertumbuhan fizikal terbantut. Tanpa sebarang penambahbaikan pemakanan, kerencanan akan melahirkan modal insan tidak berkualiti untuk negara.

Situasi sama wujud dalam sektor pendidikan, terutama dalam kalangan kanak-kanak di sekolah rendah. Hampir 40 peratus kanak-kanak tidak memiliki komputer untuk belajar dalam talian. Hasilnya mereka ketinggalan dalam pelajaran hampir satu setengah tahun.

Maka apabila hanya diberi telefon mudah alih kepada golongan miskin untuk membantu mereka mengikuti pelajaran, hakikatnya situasi ini bukan seperti kes 'tiada rotan akar pun berguna' atau juga bukan kes 'diberi betis hendakkan paha.'

Di bawah pandemik, golongan berpendapatan rendah mengalami masalah dalam dimensi yang pelbagai, terutama kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Secara purata, penduduk miskin bandar mengalami pemotongan pendapatan RM700 sebulan daripada pendapatan purata RM1,760 sebulan.

Mengikut UNICEF 2020, dengan pendapatan sangat kecil, mereka tidak mampu menyara makan, minum dan perubatan keluarga. Komputer riba satu kemewahan di luar kemampuan walaupun ia keperluan asas untuk persekolahan anak.

Bukan mudah belajar dalam talian dengan hanya menggunakan telefon kerana paparanannya kecil. Ia juga menyukarkan pelajar mendapatkan gambaran menyeluruh sesuatu objek grafik, rajah atau rujukan yang panjang.

Malah, ia sangat tidak sesuai untuk perbincangan membabitkan keseluruhan kelas. Masalah ketiadaan liputan 4G atau 5G di kawasan luar bandar atau bandar pula menyebabkan pelajar tidak dapat mengakses bahan pengajaran dengan pantas.

Kelembapan pelajar yang tiada komputer ini menyebabkan kelembapan kepada keseluruhan darjah. Pelajar yang ketinggalan juga akan melalui liku kerjaya sukar dan akan mengulangi nasib sama

sebelumnya, jika tiada penambahbaikan.

Diskriminasi terhadap anak miskin memberi beberapa implikasi membimbangkan.

- Pertama, ia menunjukkan dasar tidak menyedari bahawa betapa miskin pun rakyat sesebuah negara, mereka adalah aset penting selaku sumber insan masa hadapan.

Lagi ramai penduduk miskin - jika tidak dihiraukan akan menjejaskan kualiti modal insan masa hadapan, selain masalah sosial serius seperti berlaku di India, Filipina dan beberapa negara Afrika.

Maka, pendayaupayaan penduduk miskin adalah pelaburan terbaik untuk masa hadapan negara, bukan mengangap mereka sebagai kelas kedua dan menuduh 'tidak mengenang budi'.

- Kedua, mungkin tiada kesedaran dan penghayatan bahawa pendidikan adalah hak asasi manusia di bawah Artikel 26 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948. Jika prinsip ini dihayati dengan betul, diskriminasi terhadap anak miskin mungkin tidak berlaku.

- Ketiga, pemimpin mungkin tidak menyedari gaji mereka dibiayai awam, termasuk golongan miskin. Kadar sumbangan rakyat miskin tinggi berbanding jutawan atau penduduk berada. Ditokek masalah tadbir urus, berkemungkinan sumbangan golongan miskin lebih tinggi daripada sepatutnya.

- Keempat, pembuat dasar tidak menyedari rakyat miskin perlu dibela, dibelai dan dibantu supaya mereka maju, sekali gus melahirkan modal insan produktif untuk keluarga, masyarakat serta ekonomi negara.

Pakar ekonomi pembangunan ternama seperti Armatya Sen, menyatakan pelaburan ke atas penduduk miskin dan luar bandar akan memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi. Puncanya, ia akan meningkatkan pendapatan, keluaran serta mewujudkan kesetaraan pendapatan antara sektor dan masyarakat desa yang dinamik.

Ini terbukti di China yang melaksanakan dasar 'pembasmian kemiskinan' terhadap hampir 500 juta rakyatnya dengan cemerlang. China berjaya mengangkat rakyat miskin tegar kepada kehi-

dupan selesa dalam jangka masa 15 tahun.

Strategi digunakan adalah perindustrian, pampasan ekologi, penempatan semula, pendidikan dan sokongan keselamatan sosial. Dengan kejayaan ini, China mengurangkan 70 peratus kemiskinan dunia yang berjumlah 700 juta.

Melalui pendidikan anak miskin dan sokongan institusi, golongan ini menyumbang pertumbuhan ekonomi China melalui peningkatan kepada permintaan barang pengguna yang mendorong perindustrian besar-besaran di negara berkenaan.

Bererti, penduduk miskin bukan satu liabiliti, tetapi aset utama pembangunan. Sebaliknya, Malaysia masih mencari-cari strategi untuk mengatasi kemiskinan dalam kalangan petani dan masyarakat luar bandar.


- Kelima, sejarah menunjukkan jurang besar antara golongan berada dengan golongan miskin adalah batas yang subur untuk ketidakpuasan hati yang mungkin mencetuskan protes dan kepincangan sosial seperti berlaku pada 1969.

- Keenam, lazimnya sebahagian besar golongan miskin bekerja dalam sektor pertanian dan penduduk desa. Mereka ini strategik kerana mengeluarkan komoditi makanan untuk penduduk tempatan dan juga eksport.

Jika hidup miskin, maka mereka tidak dapat menyumbang dengan baik kepada sekuriti makanan seperti sekarang dan tidak dapat memajukan sektor pertanian seperti terbukti kini. Maka, memberi sardin kepada penduduk miskin ketika mereka memerlukan daging berkhasiat adalah diskriminasi tidak berpada.

Pada jangka masa panjang, ia akan merugikan negara dari segi kualiti modal insan yang tidak produktif dan membesarkan jurang ekonomi yang berpotensi mencetuskan kepincangan. Kesannya adalah kelembapan ekonomi negara seperti dialami Malaysia kini.

Rakyat miskin perlu didahulukan, bukan dipersendakan. Rakyat miskin yang ramai ibarat batu besar yang berat, bakal menghalang kemajuan dan pembangunan. Kemakmuran bersama dan bukan diskriminasi adalah paksi pembangunan ekonomi negara.



Pembangunan ekonomi negara perlu berpaksikan kemakmuran bersama tanpa pinggirkan rakyat miskin. (Foto hiasan)